


Tarik dan letakkan Kata Seru yang sesuai ke dalam tempat kosong berdasarkan ayat yang diberikan.



1. _____, kamu ambillah pensel saya dahulu!
2. _____, sakitnya kaki saya terpijak paku!
3. _____, cantiknya jam baharu kamu!
4. _____, berani engkau mencabar aku!
5. _____, kamu telah terpilih sebagai pemenang!
6. _____, malang sungguh nasib kucing terbiar itu!
7. _____, rupa-rupanya kamu yang mencuri wang saya!
8. _____, merahnya baju kamu!
9. _____, kita sudah sampai di Port Dickson!
10. _____ kawan-kawan, jom kita ke kantin bersama-sama!

Sumber : <https://www.cikguayu.my/latihan-bahasa-melayu-ayat-seruan/>

Pilih **Betul** atau **Salah** berdasarkan penggunaan **Kata Seru** di dalam ayat yang digunakan.

1. **Wah** , cantik sungguh rumah baru kamu ini !
Kata Su Anne kepada Hanna. Pilih di sini
2. **Aduh** , sakitnya gigiku ini ! Kata Fairuz. Pilih di sini
3. **Amboi** , malangnya mangsa kebakaran
yang tinggal sehelai pinggang itu ! Pilih di sini
4. **Syabas** , kumpulan kamu telah menjuarai
pertandingan ini ! Kata Cikgu Kumar kepada
murid-muridnya. Pilih di sini
5. **Hai** , murid-murid, ingatlah pesanan
ibu bapa kamu! Nasihat Cikgu Mei Ling. Pilih di sini
6. **Cis** , berani kamu mengganggu keamanan
kampung ini ! Kata ketua kampung dengan
marah. Pilih di sini
7. **Wah** , Chee Han! Sudah lama tidak
berjumpa dengan kamu. Pilih di sini
8. **Nah** , ambillah pemadam saya ini ! Kata
Qaira kepada Syamin. Pilih di sini
9. **Eh** , kamu juga suka berenang di sini! Pilih di sini
10. **Aduhai** , cantik sungguh gaun yang
dipakai oleh pengantin itu! Pilih di sini

Taipkan Kata Seru yang sesuai di dalam tempat kosong yang disediakan berdasarkan ayat.

Cis	Syabas	Aduhai	Wah	Amboi
Aduh	Hai	Eh	Wahai	Nah

1. _____ , sudah lama kita tidak berjumpa !
2. _____ , kamu juga suka bermain badminton di sini!
3. _____ , kamu berjaya mendapat markah yang baik dalam ujian Bahasa Melayu.
4. _____ , malangnya nasib pemuda yang ditimpa kemalangan di jalan raya itu.
5. _____ , murid-muridku, anda semua harapan ibu bapa!
6. _____ , merahnya baju awak !
7. _____ , pedihnya luka jari aku ini!
8. _____ , menarik sungguh fungsi telefon pintar ini !
9. _____ , berani kamu mengganggu adikku !
10. _____ , ambillah buku ini untuk dijadikan sebagai rujukan !